

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
KOTA KINABALU, SABAH
MAJLIS JAMUAN TEH
21 MAC 1990

Bismillahir rahmanir rahim.

Dif-Dif Kehormat;Puan-puandan tuan-tuan hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahiabarokatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama di majlis yang meriah ini dalam suasana aman dan damai.

2. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur yang telah menjemput rombongan BAKTI dan saya ke Majlis ini. Majlis seperti ini amatlah baik digunakan bagi tujuan menjalin serta mengeratkan hubungan antara pertubuhan-pertubuhan wanita di sini dan di Semenanjung. Saya berharap dengan adanya majlis seperti ini, sedikit sebanyak akan dapat mempertingkatkan perpaduan di antara ahli-ahli BAKTI dan ahli-ahli pertubuhan wanita di sini dan juga masyarakat tempatan amnya.

Puan-puan dan hadirin sekalian,

3. Semangat untuk berbakti kepada masyarakat yang masih kekurangan merupakan salah satu daripada ciri-ciri semulajadi dalam hati sanubari kaum wanita. Di negara kita, kaum wanita telah melibatkan diri mereka secara aktif dalam kerja-kerja amal dan kebajikan seperti membantu orang-orang cacat, orang-orang tua, anak-anak yatim dan sebagainya. Bilangan pertubuhan-pertubuhan wanita telah berlipat ganda dan sejajar dengan peningkatan bilangan pertubuhan, jumlah keahlian juga telah meningkat.

4. Pada amnya pertubuhan amal dan kebajikan wanita mempunyai matlamat yang sama iaitu meningkatkan kemampuan wanita untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam semua aspek pembangunan. Oleh yang demikian, tidaklah boleh dinaikan bahawa usaha sukarela wanita boleh memberi kesan yang nyata kepada pembangunan negara. Kesan-kesannya memang ketara hari ini. Walaupun demikian, untuk memastikan kekesan segala pembangunan yang diusahakan, pertubuhan-pertubuhan wanita hendaklah mengadakan penyelarasan agar pertindihan projek yang ketara akan dapat dielakkan. Dengan cara ini tenaga dan wang ringgit dapat dijimatkan.

5. Saya berasa bangga melihat banyaknya profesionalisme yang telah diserapkan dalam program-program pertubuhan wanita yang kini berjalan dengan aktifnya. Ini sangatlah menggalakkan memandangkan corak isu-isu yang muncul hari ini mempunyai beberapa aspek yang memerlukan pengendalian daripada beberapa segi dan bimbingan serta penglibatan wanita dalam beraneka jenis profession.

Puan-puan dan hadirian sekalian,

6. Saya mengucapkan tahniah atas beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita di negeri ini. Tujuan utama pertubuhan-pertubuhan wanita ini ditubuhkan ialah untuk meneliti serta mengkaji dan mengadakan projek-projek bertujuan meningkatkan kemampuan wanita dalam bidang pendidikan, sosial, kebudayaan dan ekonomi, demi untuk memperbaiki mutu hidup keluarga. Keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat. Sebelum sebarang projek menunjukkan kesannya adalah perlu adanya kestabilan dalam keluarga. Saya berharap dalam merancang program kegiatan-kegiatan wanita di sini, pertubuhan-pertubuhan wanita akan memberi perhatian kepada rancangan-rancangan yang akan memupuk kestabilan di kalangan keluarga dan perpaduan di kalangan masyarakat.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

7. Memanglah dari awal lagi semasa program lawatan ini masih dalam perancangan, antara perkara-perkara yang ditekankan ialah untuk saling berkenal-kenalan antara ahli-ahli BAKTI dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di negeri ini. Pertukaran pendapat antara ahli-ahli BAKTI dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di sini sudah tentu akan merapatkan lagi perasaan kemesraan dan mengeratkan lagi silaturahim. Saya percaya dengan adanya hubungan yang erat, dan perasaan muhibah ini ianya akan mendatangkan manfaat kepada semua pihak.

8. Saya berharap semoga majlis ini akan menarik lebih ramai lagi kaumwanita tampil melibatkan diri dan seterusnya menganggotai mana-mana pertubuhan wanita demi kebaikan masyarakat amnya.

9. Akhir kata saya bagi pihak diri saya dan ahli-ahli BAKTI sekalian mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih daun keladi di atas sambutan yang begitu meriah yang akan menjadi kenangan manis bagi kami ahli-ahli BAKTI sekalian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.